



## KENYATAAN MEDIA

### TIMBALAN PERDANA MENTERI MENTERI PERTAHANAN

12 JULAI 2021

### MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

#### Peralihan Fasa bagi Negeri Sarawak

Pelaksanaan perintah kawalan pergerakan telah menampakkan impak positif di beberapa negeri iaitu Terengganu, Kelantan, Pahang, Perlis, Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Sabah yang kini telah berjaya melangkah dari fasa 1 ke fasa 2.

Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada hari ini telah meneliti pembentangan peralihan fasa bagi negeri-negeri di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Setelah semua agensi terlibat termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meneliti nilai-nilai ambang atau *threshold* negeri ini, Sidang Khas MKN bersetuju untuk membuat peralihan fasa bagi negeri Sarawak daripada Fasa 1 ke Fasa 2 berdasarkan pencapaian nilai ambang tiga indikator utama yang telah ditetapkan.

Peralihan fasa PPN bagi negeri Sarawak akan berkuat kuasa mulai 14 Julai 2021.

Maklumat lanjut mengenai semua kebenaran yang telah ditetapkan bagi fasa 2 boleh dirujuk di laman sesawang **MKN** di [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)

### **Operasi Pusat Perkhidmatan Pelanggan Syarikat Telekomunikasi**

Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) turut bersetuju untuk memberi kebenaran kepada semua outlet pusat perkhidmatan pelanggan syarikat telekomunikasi yang terletak di dalam pusat membeli-belah serta pasaraya besar untuk beroperasi sepanjang Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat kuasa 13 Julai 2021.

### **SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan**

Seperti yang diumumkan sebelum ini, Kerajaan telah mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Semalam Pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 78,975 pemeriksaan dan *snap check* COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota seramai 19,477 orang.

Ia termasuk pemeriksaan ke atas 2,087 buah kilang, 16,086 premis perniagaan, 625 tapak pembinaan dan 449 buah asrama penempatan pekerja.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 17 premis meliputi kilang, premis perniagaan dan tapak pembinaan diarahkan tutup kerana gagal mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan.

## Pelaksanaan PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Felda Lembah Klau, Mukim Gali, Raub, Pahang	14 Julai 2021	27 Julai 2021
2.	Kampung Kendaie & Kampung Bukit Batu, Lundu, Kuching, Sarawak	14 Julai 2021	27 Julai 2021
3.	Felda Maokil, Muar, Johor	14 Julai 2021	27 Julai 2021
4.	Taman Muhibbah Fasa 1,2 & 3, Beaufort, Sabah	14 Julai 2021	27 Julai 2021
5.	Kawasan Sekitar Kampung Patikang Ulu, Keningau, Sabah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Patikang Ulu</li> <li>• Kilang &amp; Kuarters Focus Lumber</li> <li>• Kilang &amp; Kuarters Veracity</li> <li>• Kilang &amp; Kuarters Hasil Jadi</li> <li>• Pusat Memandu IDA</li> <li>• Penempatan warga Indonesia</li> </ul>	14 Julai 2021	27 Julai 2021
6.	Dua (2) Lokaliti di Penampang, Sabah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Madsiang</li> <li>• Apartment Beverly Hills Fasa 2</li> </ul>	14 Julai 2021	27 Julai 2021
7.	Kampung Kobusak, Penampang, Sabah	14 Julai 2021	27 Julai 2021

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)

## Pelanjutan PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	CLQ Gamuda Garden, Kundang Jaya, Rawang, Selangor	30 Jun 2021	13 Julai 2021	Dilanjutkan bermula 14 Julai – 19 Julai 2021.
2.	Flat Taman Benus Jaya, Bentong, Pahang	30 Jun 2021	13 Julai 2021	Dilanjutkan bermula 14 Julai – 27 Julai 2021.

## Penamatan PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula/Lanjut PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Taman Murni, Sepang, Selangor	30 Jun 2021	13 Julai 2021	Ditamatkan pada 13 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.
2.	Pangsapuri Sri Ayu, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, Hulu Langat, Selangor	30 Jun 2021	13 Julai 2021	Ditamatkan pada 13 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.
3.	CLQ Johan Setia, Kampung Johan Setia, Klang, Selangor	30 Jun 2021	13 Julai 2021	Ditamatkan pada 13 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.
4.	Kampung Tematu, Jalan Batu Kitang, Kuching, Sarawak	30 Jun 2021	13 Julai 2021	Ditamatkan pada 13 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.
5.	PKPD Kampung Linukaan, Kota Marudu, Sabah	30 Jun 2021	13 Julai 2021	Ditamatkan pada 13 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.

<b>6.</b>	Penamatan PKPD Tiga (3) Lokaliti di Kudat, Sabah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Perpaduan Gumpa</li> </ul>	30 Jun 2021	13 Julai 2021	Ditamatkan pada 13 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.
	• Kampung Perpaduan 2	30 Jun 2021	13 Julai 2021	
	• Kampung Timbagaan, Matunggong	30 Jun 2021	13 Julai 2021	
<b>7.</b>	Rumah Pekerja Ladang Sungai Balung, Tawau, Sabah	30 Jun 2021	13 Julai 2021	Ditamatkan pada 13 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.
<b>8.</b>	Kuarters Kilang Bata Kampung Durok, Kampung Limbawan Sayur, Keningau, Sabah	30 Jun 2021	13 Julai 2021	Ditamatkan pada 13 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.

## **Task Force Operasi Pematuhan**

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 78,975 pemeriksaan semalam.

Itu melibatkan 4,316 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 19,477 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 514 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 503 individu dikompaun manakala 11 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan/minum di premis (126)
- Tiada penjarakan fizikal (104)
- Individu gagal mendaftar masuk premis (69)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (58)
- Membawa penumpang berlebihan (56)
- Tidak memakai pelitup muka (55)
- Premis gagal patuhi arahan (13)
- Lain-lain (33)

## **Kawalan Sempadan Negara**

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah merampas tiga (3) buah kenderaan darat.

Dalam operasi itu, sebanyak 13 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui 14 aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 955 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 896 SJR
Op BENTENG PDRM	- 50 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

## **Operasi Disinfeksi COVID-19**

Semalam, sebanyak 148 operasi disinfeksi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 55 zon merah, zon jingga (3) dan zon kuning (8).

Operasi disinfeksi ini melibatkan 912 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 248 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 156 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 31,735 operasi disinfeksi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

## **Kuarantin Wajib**

Semalam, seramai 658 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 247,329 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 82 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 9,786 individu telah dikuarantin dan 234,423 orang dibenarkan pulang manakala 3,120 lagi dibawa ke hospital.

## **Barang Keperluan Asas**

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 834 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barang terdiri daripada peruncit (654), pemborong (149) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 2,774 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 2,760 premis mematuhi SOP, 12 dikompaun manakala dua (2) lagi diberi amaran.

## **Saringan Wajib Pekerja Warga Asing**

Semalam, seramai 14 warga asing telah menjalani ujian saringan dan dua (2) daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 700,593 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,424 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,403 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 690,190 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

**Amalkan “lockdown” kendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.**

**#StaySafeStayHome  
#AmalkanKawalanKendiri**

**YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**

**TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MENTERI PERTAHANAN**